

28 OCT 1997

HUBUNGAN DUA HALA INDIA-MALAYSIA DIUTAMAKAN DLM RUNDINGAN PERINGKAT TINGGI

NEW DELHI, 28 Okt (Bernama) -- Hubungan dua hala India-Malaysia akan menjadi tajuk perbincangan penting antara perdana menteri India, Inder Kumar Gujral dan rakan sejawatannya di Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad apabila Gujral tiba di Malaysia untuk mesyuarat kumpulan negara membangun G-15 bermula 3 Nov.

Kedua-dua pemimpin akan membincangkan hubungan dagangan dan ekonomi dua hala dalam pertemuan mereka di Kuala Lumpur, demikian menurut seorang jurucakap rasmi semasa memberi taklimat kepada media mengenai mesyuarat G-15 itu semalam.

Hubungan dagangan dua hala antara India dan Malaysia telah meningkat lima kali sejak tiga tahun lalu -- daripada AS\$696 juta dalam tempoh April 1994 hingga Mac 1995 kepada AS\$3,498 juta dalam tempoh April 1996 hingga Mac 1997.

Semasa mesyuarat itu, sekumpulan 30 anggota perwakilan perniagaan dari tiga dewan perniagaan India akan turut berada di Malaysia. -- BERNAMA

MP SIA